

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	6 NOVEMBER 2016

um - 6/11/2016

Syed Saddiq dicabar jelaskan kekayaan anak Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 5 Nov. - Ketua Pemuda Parti Pribumi Bersatu Malaysia, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dicabar untuk menjawab persoalan tentang kekayaan yang dimiliki oleh anak-anak bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairul Azwan Harun berkata, Syed Saddiq perlu menjawab pertanyaan Presiden Majlis Perundingan Pela-

jar Kebangsaan, Muhd. Farhan Khairuddin itu terlebih dahulu.

Menurut beliau, banyak pihak ingin tahu bagaimana anak-anak Dr. Mahathir boleh menjadi jutawan segera dalam masa yang singkat.

“Sekiranya Syed Saddiq tidak mampu atau enggan menjawab soalan itu, saya fikir beliau tidak layak untuk menasihati Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.